

Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab

KAMARUL SHUKRI MAT TEH
NIK MOHD RAHIMI NIK YUSOFF
MOHAMED AMIN EMBI
ZAMRI MAHAMOD

ABSTRAK

Beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dengan tahap kemahiran dan penguasaan bahasa (O'Malley et al. 1985a; Manghubai 1991; Wharton 2000). Terdapat juga kajian yang cuba menerokai sama ada pelajar bahasa yang berprestasi cemerlang menggunakan SPB dengan kerap dan dalam jumlah yang banyak (Green & Oxford 1995). Oleh itu, kertas ini memerihalkan satu kajian yang direka bentuk untuk melihat hubungan penggunaan SPB dengan tahap penguasaan bahasa Arab. Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik sendiri yang diubahsuai daripada Strategy Inventory for Language Learning (Oxford 1990) versi 7.0 dengan tambahan satu konstruk baru. Subjek kajian terdiri daripada 460 orang pelajar tingkatan empat daripada sepuluh buah sekolah menengah agama Terengganu (SMAT) dan tiga buah sekolah menengah Imtiaz di Terengganu. Ujian statistik inferensi MANOVA (aras signifikan $p < 0.05$) dan ANOVA (aras signifikan $p < 0.01$) dijalankan ke atas data soal selidik bagi menentukan hubungan antara penguasaan bahasa dengan penggunaan SPB. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar cemerlang bahasa menggunakan lebih banyak strategi secara kerap berbanding pelajar sederhana dan lemah dalam ketujuh-tujuh konstruk. Pelajar sederhana pula menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar lemah dalam ketujuh-tujuh konstruk melainkan dalam strategi afektif.

Kata kunci: strategi pembelajaran bahasa, bahasa Arab, sekolah menengah agama.

ABSTRACT

Studies have indicated significant linkages between Language Learning Strategies (LLS) use and language performance level (O'Malley et al. 1985a; Manghubai 1991; Wharton 2000). There are studies that explore whether good language learners use LLS frequently and in large quantity (Green & Oxford 1995). Therefore, this paper describes a study designed to explicate the relationship between LLS use and Arabic language proficiency level. Data for the study were collected using self-report questionnaires, including the adaptation Strategy Inventory for Language Learning (Oxford 1990) version 7.0 with additional of one new construct. The sample was comprised of 460 Form 4 students from thirteen religious secondary schools in Terengganu, Malaysia. The MANOVA (significance level $p < 0.05$) and ANOVA (significance level $p < 0.01$) statistical tests were applied on the questionnaire data to examine the relationship between language performance and LLS use. The results indicate that students in higher proficiency level used a significantly greater number of strategies more frequently than did their counterparts in lower proficiency levels in all seven strategy constructs. The medium proficiency level students used a greater number of strategies than those in the low proficiency level in all seven strategy constructs except in the affective strategy.

Keywords: language learning strategy, Arabic language, Religious Secondary School.

PENDAHULUAN

Semenjak awal tahun 1970-an, strategi pembelajaran dan perbezaan individu pelajar mula menjadi fokus utama dalam bidang penyelidikan pembelajaran bahasa kedua atau asing (Rubin 1987). Kajian yang pada awalnya lebih tertumpu kepada produk atau hasil pembelajaran mula beralih fokus kepada cara atau proses pembelajaran. Kalau dahulu perhatian diberikan kepada guru dan pengajaran, tetapi kini pelajar dan pembelajaran mendapat lebih tumpuan. Hasilnya, salah satu bidang penyelidikan pembelajaran bahasa yang sangat subur dan aktif sejak beberapa tahun kebelakangan ini ialah strategi pembelajaran bahasa (SPB).

Beberapa penyelidikan telah berjaya mengenal pasti ciri pelajar cemerlang bahasa (PCB) (Rubin 1975; Stern 1975). Mereka sentiasa mempraktikkan SPB tertentu atau dalam bentuk kombinasi secara konsisten. Strategi pembelajaran yang sesuai sering kali didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan prestasi bahasa (Green & Oxford 1995; Griffiths 2003). Malah, salah satu faktor yang membezakan kecemerlangan antara dua pelajar yang sama pandai dan diajari oleh guru yang sama ialah penggunaan strategi belajar yang betul, sesuai dan berkesan. Dengan kata lain, mereka yang melaksanakan SPB secara kerap dan pelbagai lebih berjaya untuk menguasai bahasa sasaran.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Satu perkara biasa dalam pembelajaran bahasa adalah terdapat sebilangan pelajar yang sentiasa berjaya berbanding para pelajar lain (Song 2004). Kejayaan ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Contohnya, kemajuan mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang baik dalam ujian bahasa. Di samping kebolehan semula jadi, di sana terdapat beberapa faktor yang boleh menjelaskan fenomena ini. Salah satu faktor tersebut ialah penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Chamot 1993; Dreyer & Oxford 1996).

Para pelajar di semua peringkat dan tahap pendidikan menggunakan strategi ketika mempelajari bahasa kedua. Namun begitu, perbezaan mereka adalah terletak pada cara penggunaan SPB, seperti pemilihan jenis strategi dan kekerapan penggunaannya. Beberapa kajian menunjukkan pelajar efektif menggunakan pelbagai jenis strategi yang sesuai secara kerap dengan penuh tekad dan azam (Oxford & Nyikos 1989). Lantaran itu, memahami peranan strategi khususnya daripada pelajar cemerlang bahasa adalah tersangat penting bagi mengenal pasti punca kejayaan pembelajaran. Namun begitu, realiti menunjukkan majoriti pelajar tidak dapat berkongsi pengalaman dengan pelajar cemerlang dalam penggunaan strategi (Oxford et al. 1989). Ini disebabkan pelajar cemerlang kurang menceritakan tentang strategi pembelajaran mereka dan sebahagian strategi mereka tidak dapat diperhatikan. Selain itu, para guru kebiasaannya tidak tahu bagaimana para pelajar mereka mempelajari bahasa (Bialystok 1985; O'Malley et al. 1985a; O'Malley et al. 1985b; Oxford & Crookall 1989; Park 1997). Akibatnya, tanpa disedari guru akan menggunakan gaya dan strategi pengajaran yang barangkali berlawanan dengan gaya dan strategi pembelajaran pelajar. Oleh itu, kajian tentang SPB dilihat amat penting bagi menyelesaikan masalah ini dan sekaligus melicinkan proses pembelajaran.

Beberapa kajian mengenai hubungan SPB dengan penguasaan bahasa menunjukkan strategi pembelajaran memberi kesan positif terhadap prestasi bahasa. Pelajar cemerlang

menggunakan pelbagai strategi (Oxford & Burry-Stock 1995; Oxford 2001) dan mengkoordinasi penggunaan strategi secara lebih efektif berbanding pelajar lemah bahasa (Vann & Abraham 1990). Ia berpotensi untuk menjadi alat pembelajaran yang sangat berkuasa (O'Malley et al. 1985a). Justeru, guru, pelajar dan pengkaji bahasa harus memberi perhatian terhadap SPB demi kejayaan pembelajaran bahasa. Memperbanyakkan kajian seumpama ini akan membolehkan usaha-usaha memperbaiki prestasi penguasaan bahasa Arab yang dikatakan semakin menurun itu (Nik Mohd Rahimi 1999; Wan Abrisam 2002; Saupi 2003; Kamarulzaman et al. 2005; Nasimah 2006) bertambah berkesan, sekaligus menjadikan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih efektif, dinamik, menarik dan semasa.

Seperti yang dinyatakan dahulu, kajian awal tentang pelajar cemerlang bahasa (Rubin 1975; Stern 1975; Naiman et al. 1978) cuba mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar berjaya dengan idea ia boleh diajar kepada pelajar yang lemah. Kajian tersebut menunjukkan terdapat hubungan antara penguasaan bahasa dengan penggunaan SPB. Kemudiannya, pelbagai penyelidikan telah dilakukan untuk mengkaji secara mendalam tentang hubungan tersebut. Sebahagian kajian cuba menerokai sama ada pelajar bahasa yang berprestasi cemerlang menggunakan SPB dengan kerap dan dalam jumlah yang banyak (Green & Oxford 1995). Sebahagian yang lain mengkaji sama ada jumlah dan kekerapan penggunaan SPB menyumbang ke arah kemajuan kemahiran bahasa (Park 1997). Manakala yang lain pula tertumpu kepada hubungan sebab dan akibat yang menunjukkan penggunaan strategi dan tahap penguasaan bahasa adalah saling bertimbal balas antara satu sama lain (Bremner 1999). Kajian-kajian tersebut melaporkan terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan SPB dengan tahap kemahiran dan penguasaan bahasa (O'Malley et al. 1985a; Manghubai 1991; Green & Oxford 1995; Wharton 2000). Penyelidikan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga jenis menurut pendekatan yang digunakan dalam menilai penguasaan bahasa, iaitu (i) ujian kemahiran dan penguasaan (Green & Oxford 1995; Bremner 1999; Phakiti 2003), (ii) ujian kemasukan dan penempatan (Ku 1995; Sheorey 1999), dan (iii) pemerinkatan sendiri terhadap penguasaan (Oxford & Nyikos 1989; Wharton 2000).

Walaupun demikian, data yang menerangkan senario yang dihasilkan melalui penyelidikan SPB dalam konteks pembelajaran bahasa Arab adalah kurang. Kesukaran untuk memperihalkan corak hubungan penguasaan bahasa dengan penggunaan SPB semasa mempelajari bahasa Arab adalah ketara. Oleh itu, kajian seumpama ini hendaklah diteruskan, terutamanya pada latar bahasa, budaya, dan populasi yang berbeza (Green & Oxford 1995; Park 1997; Mohamed Amin 2000; Wharton 2000). Tambahan pula, faktor perbezaan individu yang terdapat dalam kalangan mereka yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia adalah dilingkungi oleh latar bahasa dan persekitaran yang unik. Aspek keagamaan, budaya setempat dan kedudukan bahasa Arab pada kaca mata pelajar turut mencorakkan penggunaan strategi pembelajaran. Selain itu, perbezaan jenis bahasa dari segi linguistik dan ortografi turut mempengaruhi penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa sasaran (Grabe 1986). Keadaan ini dapat dilihat dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Arab dari segi linguistik dan ortografi menjadikan kajian SPB dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia perlu dilakukan.

Berdasarkan senario ini, bidang SPB haruslah diberi laluan untuk menyumbangkan sesuatu yang bermakna dalam pembelajaran bahasa Arab. Sudah sekian lama bidang pendidikan bahasa Arab memberi tumpuan terhadap kurikulum, metodologi pengajaran dan guru. Kini telah sampai masanya, walaupun barangkali agak sedikit terlewat kajian-

kajian yang cuba menerobos diri pelajar untuk mendapat maklumat tentang cara dan strategi pembelajaran mereka diberi keutamaan.

TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan, kajian ini mempunyai dua tujuan utama, iaitu seperti berikut:

1. Mengkonsepsikan pola penggunaan SPB oleh pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab.
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab.

METODOLOGI

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian kuantitatif ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah agama di Terengganu. Kajian melibatkan pelajar tingkatan empat di 10 buah sekolah menengah agama Terengganu (SMAT) yang ditadbir oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, dan tiga buah sekolah menengah Imtiaz (IMTIAZ) yang ditadbir oleh Yayasan Terengganu. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini (yang mempunyai jumlah populasi 1691 orang) adalah seramai 313 orang. Bagi meningkatkan ketepatan penyelidikan, maka seramai 460 orang sampel telah dipilih. Tahap penguasaan bahasa Arab mereka telah ditentukan berdasarkan gred Bahasa Arab Komunikasi (BAK) PMR. Setiap gred penguasaan BAK diwakili oleh 92 orang pelajar yang terdiri daripada 46 orang pelajar lelaki dan 46 orang pelajar perempuan.

2. Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpul maklumat tentang penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Soal selidik tersebut dibina berdasarkan gagasan yang terdapat dalam Strategy Inventory of Language Learning (SILL) versi 7.0 (Oxford 1990). Sebanyak 60 item telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang dikehendaki. 50 item daripadanya adalah diambil daripada item-item SILL versi 7.0 dan 10 item yang lain adalah dibina oleh pengkaji.

Selain enam konstruk yang terdapat dalam SILL (seperti memori, kognitif, tampungan, metakognitif, sosial dan afektif), pengkaji juga telah menambahkan satu konstruk yang dinamakan sebagai Metafizik. Konstruk ini dibina hasil daripada penelitian keumuman tabii pembelajaran bahasa Arab dan keunikan tingkah laku pembelajaran bahasa tersebut di Malaysia (Kamarul Shukri 2006). Bahasa adalah sebahagian daripada budaya dan budaya adalah sebahagian daripada bahasa. Kedua-duanya saling berkait dan tidak boleh dipisahkan tanpa menjejaskan kesignifikan salah satu daripadanya (Brown 1994). Ikatan hubungan ini semakin kuat apabila ia dikaitkan dengan agama. Senario ini cukup jelas dalam bahasa Arab apabila perhubungan antara agama, bahasa Arab dan budaya merupakan hubungan timbal balas yang tidak boleh diceraikan. Masing-masing saling

memberi dan menerima antara satu sama lain. Keadaan ini mempengaruhi proses pembelajaran pelajar beragama Islam yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran budaya dan amalan keagamaan di-praktikkan.

3. Analisis Data

Bagi mengkonsepsikan pola penggunaan SPB pelajar, gred Bahasa Arab Komunikasi (BAK) mereka dikodkan semula mengikut tahap penguasaan. Pelajar cemerlang bahasa (PCB) ialah mereka yang memperoleh gred A dalam mata pelajaran BAK PMR. Pelajar sederhana bahasa (PSB) pula adalah mereka yang mendapat gred B dan C dalam BAK PMR. Pelajar lemah bahasa (PLB) ialah mereka yang mendapat gred D dan E dalam BAK PMR.

Untuk menentukan tahap penggunaan SPB, data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Seterusnya, nilai min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi yang dicadangkan oleh Oxford (1990). Beliau meletakkan kriteria penilaian tahap penggunaan SPB seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Tahap Penggunaan SPB

Tinggi	Sentiasa benar (sentiasa)	4.5 hingga 5.0
	Selalunya benar (kerap kali)	3.5 hingga 4.4
Pertengahan	Biasanya benar (kadang-kadang)	2.5 hingga 3.4
Rendah	Biasanya tidak benar (sekali-sekala)	1.5 hingga 2.4
	Tidak pernah benar (tidak pernah)	1.0 hingga 1.4

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 2, secara keseluruhan PCB merupakan kumpulan yang paling kerap menggunakan SPB. Namun begitu, penggunaan SPB bagi PCB berada pada tahap penggunaan yang sederhana ($M = 2.75$, $SP = 0.49$). Ini diikuti oleh PSB ($M = 2.26$, $SP = 0.50$) dan PLB ($M = 1.96$, $SP = 0.44$) di mana penggunaan SPB oleh kedua-dua kumpulan tersebut berada pada tahap yang rendah.

Jadual 2: Min dan Sisihan Piawai Penggunaan SPB berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

STRATEGI UTAMA	PCB (n = 92)		PSB (n = 184)		PLB (n = 184)	
	Min	S.P	Min	S.P.	Min	S.P.
Memori	2.42	0.61	2.06	0.57	1.73	0.49
Kognitif	2.59	0.61	2.08	0.55	1.77	0.48
Tampungan	3.59	0.70	2.74	0.80	2.25	0.73
Metakognitif	2.59	0.74	2.08	0.62	1.77	0.55
Afektif	2.65	0.61	2.39	0.66	2.25	0.68
Sosial	2.64	0.74	2.07	0.73	1.83	0.56
Metafizik	3.12	0.61	2.72	0.71	2.41	0.67
Keseluruhan	2.75	0.49	2.26	0.50	1.96	0.44

($N = 460$)

Dari segi kategori strategi utama SPB, strategi tampungan, metafizik, dan afektif adalah merupakan tiga kategori utama yang paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan

tahap penguasaan bahasa. PCB kerap menggunakan strategi tampungan ($M = 3.59$, $SP = 0.70$) pada tahap penggunaan yang tinggi. Ini diikuti oleh strategi metafizik ($M = 3.12$, $SP = 0.61$), dan afektif ($M = 2.65$, $SP = 0.61$) pada tahap penggunaan yang sederhana. PSB turut didapati kerap menggunakan strategi tampungan ($M = 2.74$, $SP = 0.80$) dan metafizik ($M = 2.72$, $SP = 0.71$) pada tahap penggunaan sederhana. Kemudian diikuti oleh strategi afektif ($M = 2.39$, $SP = 0.66$) pada tahap penggunaan yang rendah. Manakala PLB pula menggunakan ketiga-tiga strategi tersebut secara kerap dengan susunan frekuensi yang berbeza, iaitu strategi metafizik ($M = 2.41$, $SP = 0.67$), tampungan ($M = 2.25$, $SP = 0.73$), dan afektif ($M = 2.25$, $SP = 0.68$). Namun begitu, ketiga-tiga strategi utama tersebut digunakan oleh PLB pada tahap yang rendah. Satu dapatan diluar jangkauan ialah strategi memori merupakan kategori SPB yang paling kurang digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan penguasaan bahasa.

Jadual 3: Strategi yang Digunakan pada Tahap Kekekapan Tinggi oleh PCB

No Item	Kategori Strategi	Strategi	Min	S.P.
BC 25	Tampungan	Meneka makna perkataan-perkataan yang tidak difahami berdasarkan konteks ayat atau situasi perbualan.	4.26	0.97
BG 56	Metafizik	Berusaha untuk memahami atau menghayati makna bacaan dalam sembahyang, doa, ayat al Quran atau al Hadis.	3.78	1.09
BC 27	Tampungan	Mencipta perkataan baru jika tidak mengetahui perkataan yang tepat dalam bahasa Arab.	3.70	0.96
BG 60	Metafizik	Meminta restu daripada guru sebelum menduduki peperiksaan.	3.68	1.30
BC 30	Tampungan	Sekira tidak dapat memikirkan perkataan Arab yang tepat, saya akan menggunakan perkataan atau frasa yang membawa makna yang sama dengannya.	3.64	1.12
BG 57	Metafizik	Membaca al Quran setiap hari untuk memperbetul atau melancarkan sebutan bahasa Arab.	3.58	1.13
BB19	Kognitif	Terlebih dahulu membaca petikan teks Arab secara sepintas lalu untuk mendapat idea umum sebelum mengulang untuk membacanya secara terperinci.	3.57	1.23
BD 39	Metakognitif	Menilai kemajuan dalam pembelajaran bahasa Arab.	3.55	1.19

Dari segi item pula, PCB didapati menggunakan lapan strategi pada tahap kekekapan yang tinggi dengan min di antara 4.26 hingga 3.55 seperti mana yang ditunjukkan oleh Jadual 3. Tidak ada satu pun daripada strategi tersebut atau selainnya telah digunakan oleh PSB atau PLB dengan tahap kekekapan penggunaan yang tinggi. Di samping itu, PCB turut menggunakan 31 strategi lain pada tahap penggunaan sederhana. PSB pula menggunakan 21 strategi pada tahap penggunaan sederhana di mana item tersebut turut membentuk strategi yang paling kerap digunakan oleh keseluruhan sampel ($N = 460$) dengan min penggunaannya juga berada pada tahap yang sederhana. Seterusnya, PLB pula hanya menggunakan tujuh strategi secara kerap pada tahap penggunaan sederhana. Ketujuh-tujuh strategi tersebut juga termasuk ke dalam kumpulan strategi yang paling kerap digunakan oleh keseluruhan sampel. Manakala 53 strategi yang lain pula digunakan oleh PLB pada tahap kekekapan yang rendah.

Bagi melihat adakah terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB oleh pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab, maka ujian MANOVA dilaksanakan. Ujian MANOVA dijalankan bagi menguji hipotesis nol yang menyatakan: Tidak ada perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab.

Jadual 4 menunjukkan terdapatnya perbezaan varian kovarian yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah bebas ($F = 1.73$, $p = 0.001$) ($p < 0.05$). Ini bermakna varian kovarian pemboleh ubah bersandar tidak homogenus merentasi pemboleh ubah bebas. Walau bagaimanapun, ujian MANOVA masih boleh dijalankan kerana kajian ini melibatkan jumlah sampel yang besar ($n = 460$ orang) dan lebih kurang sama yang memungkinkan kebarangkalian berlakunya ralat jenis 1 adalah sangat kecil (Hair et al., 1998; Tabachnick & Fidell, 2001; Pallant, 2001; Coakes, 2005).

Jadual 4: Ujian Box's M

Box's M	Nilai F	Darjah Kebebasan 1	Darjah Kebebasan 2	Tahap Signifikan
99.45	1.73	56	272776.305	0.001

Seterusnya, ujian Levene dijalankan untuk melihat kesamaan varian bagi setiap kategori pemboleh ubah bersandar yang dikaji. Jadual 5 menunjukkan bahawa nilai yang diperoleh daripada analisis yang dijalankan adalah $F = 1.803$, $\text{Sig.} = 0.166 > 0.05$ (memori); $F = 2.219$, $\text{Sig.} = 0.110 > 0.05$ (kognitif); $F = 0.782$, $\text{Sig.} = 0.458 > 0.05$ (tampungan); $F = 5.081$, $\text{Sig.} = 0.007 < 0.05$ (metakognitif); $F = 1.138$, $\text{Sig.} = 0.321 > 0.05$ (afektif); $F = 4.798$, $\text{Sig.} = 0.009 < 0.05$ (sosial); dan $F = 1.087$, $\text{Sig.} = 0.338 > 0.05$ (metafizik). Nilai signifikan pada lima pemboleh ubah bersandar, iaitu memori, kognitif, tampungan, afektif, dan metafizik adalah lebih besar daripada 0.05, di mana ia menunjukkan bahawa pemboleh ubah tersebut mempunyai varian yang sama. Manakala nilai signifikan pada dua pemboleh ubah bersandar yang lain, iaitu metakognitif dan sosial pula adalah lebih kecil daripada 0.05 di mana ia menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan varian pada kedua-dua pemboleh ubah tersebut (Tabachnick & Fidell, 2001; Pallant, 2001; Coakes, 2005).

Menurut Tabachnick dan Fidell (2001) serta Julie Pallant (2001), apabila sesebuah kajian melibatkan jumlah sampel yang besar, maka perbezaan varian ($\text{Sig.} < 0.05$) tidak menjadi halangan bagi penyelidik untuk menjalankan ujian MANOVA. Namun begitu, mereka mencadangkan agar dapatan MANOVA bagi pemboleh ubah yang memiliki perbezaan varian tersebut diuji semula dengan menggunakan ujian Univariat /ANOVA (F-test) dengan cara menurunkan nilai alfa 0.05 kepada 0.025 ataupun 0.01 untuk mengukuhkan lagi dapatan MANOVA yang dijalankan.

Jadual 5: Levene's Test of Equality of Error Variances

Pemboleh Ubah Bersandar	Nilai F	Darjah Kebebasan 1	Darjah Kebebasan 2	Tahap Signifikan
Memori	1.803	2	454	0.166
Kognitif	2.219	2	454	0.110
Tampungan	0.782	2	454	0.458
Metakognitif	5.081	2	454	0.007
Afektif	1.138	2	454	0.321
Sosial	4.798	2	454	0.009
Metafizik	1.087	2	454	0.338

Sig. pada Aras 0.05

Ujian MANOVA dijalankan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB berdasarkan tahap penguasaan bahasa. Berdasarkan Jadual 6, nilai yang diperoleh daripada ujian Multivariat ialah Wilks' Lamda = 0.629, $F(14,$

896) = 16.707, dan Sig. = 0.000 ($p < 0.05$). Nilai tersebut menunjukkan bahawa hipotesis nol adalah berjaya ditolak. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan tahap penggunaan SPB berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama. Dengan perkataan lain, hasil ujian Multivariat memaklumkan bahawa terdapat perbezaan signifikan pada pemboleh-pemboleh ubah bersandar (strategi utama memori, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif, sosial, dan metafizik) merentasi tahap penguasaan bahasa (PCB, PSB dan PLB) semasa menggunakan SPB dalam pembelajaran bahasa Arab.

Jadual 6: Analisis MANOVA Perbezaan Penggunaan SPB berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

Kesan	Nilai Wilks' Lambda	Nilai F	D.K. Antara Kumpulan	D.K. Dalam Kumpulan	Tahap Sig.
Penguasaan	0.629	16.707	14	896	0.000

Setelah memperoleh keputusan signifikan melalui ujian Multivariat, pemeriksaan lanjutan terhadap setiap pemboleh ubah bersandar perlu dilakukan (Pallant, 2001; Coakes, 2005). Ini bertujuan untuk mengetahui sama ada perbezaan penggunaan SPB antara PCB, PSB dan PLB berlaku ke atas kesemua kategori utama SPB atau hanya pada kategori yang tertentu sahaja. Jadual 7 menunjukkan hasil keputusan ujian Univariat bagi setiap pemboleh ubah bersandar. Ia menunjukkan perbezaan penggunaan strategi memori, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif, sosial dan metafizik berdasarkan perbezaan tahap penguasaan bahasa Arab (PCB, PSB dan PLB). Ujian yang dijalankan memaparkan nilai yang diperolehi adalah $F(2, 454) = 49.45$, Sig. = 0.000 < 0.05 (memori), $F(2, 454) = 67.60$, Sig. = 0.000 < 0.05 (kognitif), $F(2, 454) = 99.15$, Sig. = 0.000 < 0.05 (tampungan), $F(2, 454) = 51.23$, Sig. = 0.000 < 0.05 (metakognitif), $F(2, 454) = 10.98$, Sig. = 0.000 < 0.05 (afektif), $F(2, 454) = 42.65$, Sig. = 0.000 < 0.05 (sosial) dan $F(2, 454) = 34.24$, Sig. = 0.000 < 0.05 (metafizik). Nilai-nilai tersebut menunjukkan terdapatnya perbezaan signifikan dalam penggunaan SPB pada setiap kategori strategi utama (memori, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif, sosial, dan metafizik) oleh para pelajar sekolah menengah agama berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab.

Jadual 7: Kesan Tahap Penguasaan Bahasa Arab ke Atas Penggunaan Kategori Utama SPB

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar	Jumlah Kuasa Dua	D.K.	Min Kuasa Dua	Nilai F	Sig.
Penguasaan	Memori	28.500	2	14.250	49.45	0.000
	Kognitif	38.348	2	19.174	67.60	0.000
	Tampungan	112.627	2	56.314	99.15	0.000
	Metakognitif	37.373	2	18.687	51.23	0.000
	Afektif	9.526	2	4.763	10.98	0.000
	Sosial	36.885	2	18.442	42.65	0.000
	Metafizik	31.075	2	15.537	34.24	0.000

Sig. pada aras 0.05

Memandangkan perbezaan signifikan tersebut melibatkan lebih daripada dua tahap dalam pemboleh ubah bebas (iaitu, tiga tahap penguasaan), maka ujian Post-hoc perlu dijalankan. Ini bertujuan untuk melihat tahap penguasaan (PCB, PSB dan PLB) manakah yang sebenarnya berbeza bagi setiap pemboleh ubah bersandar tersebut. Jadual 8

memaparkan hasil ujian Post-hoc Bonferroni di mana perbezaan skor min antara ketiga-tiga tahap penguasaan bahasa adalah signifikan pada aras $p < 0.05$ dalam setiap kategori strategi utama melainkan dalam strategi afektif. Keputusan Bonferroni menunjukkan tiada perbezaan signifikan antara PSB dan PLB ($\text{Sig.} = 0.15 > 0.05$) dalam strategi afektif.

Meskipun PCB, PSB dan PLB didapati berbeza dari segi penggunaan ketujuh-tujuh kategori utama SPB (kecuali dalam strategi afektif di mana PSB dan PLB tidak menunjukkan perbezaan signifikan), namun kita tidak dapat memastikan kumpulan tahap manakah yang mempunyai skor tertinggi. Lantaran itu, kita hendaklah merujuk kepada jadual Estimated Marginal Means. Jadual 9 menunjukkan bahawa pelajar cemerlang menggunakan lebih banyak strategi secara kerap berbanding pelajar sederhana dan lemah dalam ketujuh-tujuh kategori. Pelajar sederhana pula menggunakan lebih banyak strategi memori, kognitif, tampungan, metakognitif, sosial, dan metafizik berbanding pelajar lemah. Walaupun Jadual 9 menunjukkan terdapat perbezaan min antara PSB (min = 2.39) dan PLB (min = 2.25) dalam strategi afektif, namun keputusan Bonferroni menunjukkan bahawa ia bukanlah perbezaan yang signifikan. Malah perbezaan min yang kecil (0.13) antara kedua-dua tahap tersebut seperti yang dipaparkan oleh keputusan Bonferroni (rujuk Jadual 8) turut menolak andaian bahawa wujudnya perbezaan antara PSB dan PLB dalam penggunaan strategi afektif.

Jadual 8: Post-Hoc Bonferroni: Penggunaan SPB berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

Pemboleh Ubah Bersandar	Penguasaan (I)	Penguasaan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Memori	PCB	PSB	0.36	0.06	0.000
		PLB	0.67	0.06	0.000
	PSB	PLB	0.31	0.05	0.000
Kognitif	PCB	PSB	0.50	0.06	0.000
		PLB	0.79	0.06	0.000
	PSB	PLB	0.29	0.05	0.000
Tampungan	PCB	PSB	0.87	0.09	0.000
		PLB	1.36	0.09	0.000
	PSB	PLB	0.49	0.07	0.000
Metakognitif	PCB	PSB	0.49	0.07	0.000
		PLB	0.78	0.07	0.000
	PSB	PLB	0.29	0.06	0.000
Afektif	PCB	PSB	0.26	0.08	0.006
		PLB	0.39	0.08	0.000
	PSB	PLB	0.13	0.06	0.155
Sosial	PCB	PSB	0.54	0.08	0.000
		PLB	0.78	0.08	0.000
	PSB	PLB	0.23	0.06	0.002
Metafizik	PCB	PSB	0.41	0.08	0.000
		PLB	0.71	0.08	0.000
	PSB	PLB	0.29	0.07	0.000

Sig. pada aras 0.05

Seperti yang ditunjukkan oleh hasil ujian Levene (rujuk Jadual 5), terdapat dua pemboleh ubah bersandar yang mempunyai perbezaan varian, iaitu metakognitif ($\text{Sig.} = 0.007 < 0.05$) dan sosial ($\text{Sig.} = 0.009 < 0.05$). Meskipun kewujudan perbezaan varian tidak menjadi penghalang bagi meneruskan ujian MANOVA atas dasar kajian ini melibatkan

jumlah sampel yang besar, namun begitu perbezaan tersebut perlu diuji semula dengan menggunakan ujian ANOVA. Ia perlu dijalankan dengan cara menurunkan nilai alfa 0.05 kepada 0.025 ataupun 0.01. Ujian ini adalah untuk mengukuhkan dapatan MANOVA terhadap kedua-dua pemboleh ubah berkenaan (Tabachnick & Fidell 2001; Pallant, 2001).

Jadual 9: Perbandingan Kategori Utama SPB berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

Pemboleh Ubah Bersandar	Penguasaan	Min	Sisihan Piawaian
Memori	PCB	2.41	0.59
	PSB	2.05	0.54
	PLB	1.73	0.49
Kognitif	PCB	2.57	0.59
	PSB	2.06	0.53
	PLB	1.77	0.48
Tampungan	PCB	3.61	0.68
	PSB	2.74	0.80
	PLB	2.25	0.73
Metakognitif	PCB	2.56	0.70
	PSB	2.06	0.59
	PLB	1.77	0.55
Afektif	PCB	2.65	0.59
	PSB	2.39	0.66
	PLB	2.25	0.68
Sosial	PCB	2.61	0.70
	PSB	2.06	0.71
	PLB	1.83	0.56
Metafizik	PCB	3.12	0.61
	PSB	2.70	0.70
	PLB	2.41	0.67

Sig. pada aras 0.05

Berdasarkan Jadual 10 yang menunjukkan hasil ujian Levene pada tahap signifikan 0.01, maka dapat dinyatakan bahawa terdapat perbezaan varian pada pemboleh ubah bersandar metakognitif ($F = 5.081$, Sig. = $0.007 < 0.01$) dan sosial ($F = 4.798$, Sig. = $0.009 < 0.01$). Hasil ujian Levene pada tahap signifikan 0.01 adalah sama dengan hasil ujian tersebut pada tahap signifikan 0.05. Namun begitu, ia masih dianggap homogen kerana jumlah sampelnya yang besar ($N = 460$).

Jadual 10: Levene's Test of Equality of Error Variances

Pemboleh Ubah Bersandar	Nilai F	D.K. 1	D.K. 2	Sig.
Metakognitif	5.081	2	454	0.007
Sosial	4.798	2	454	0.009

Sig. pada aras 0.01

Jadual 11 menunjukkan hasil ujian ANOVA satu hala di mana aras signifikannya ialah 0.01. Daripada analisis yang dijalankan, nilai yang diperolehi ialah $F(2, 454) = 51.23$,

Sig. = 0.000 < 0.01 (metakognitif) dan $F(2, 454) = 42.658$, Sig. = 0.000 < 0.01 (sosial). Nilai ini menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan penggunaan strategi metakognitif dan sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama berdasarkan perbezaan tahap penguasaan bahasa. Walaupun ANOVA menggunakan aras keyakinan yang lebih tinggi (99%), namun hasil ujiannya adalah tetap sama dengan dapatan ujian MANOVA. Dalam keadaan sedemikian, dapatan ujian ANOVA boleh dipercayai dan digunakan untuk menyokong keputusan ujian MANOVA.

Jadual 11: ANOVA (Ujian Lanjutan MANOVA): Penggunaan SPB (Metakognitif dan Sosial) berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

Pemboleh Ubah Bersandar		Jumlah Kuasa Dua	D.K.	Min Kuasa Dua	F	Sig.
Metakognitif	Antara Kumpulan	37.373	2	18.687	51.234	0.000
	Dalam Kumpulan	165.587	454	0.365		
	Jumlah	202.960	456			
Sosial	Antara Kumpulan	36.885	2	18.442	42.658	0.000
	Dalam Kumpulan	196.281	454	0.432		
	Jumlah	233.166	456			

Sig. pada aras 0.01

Jadual 12 menunjukkan hasil ujian Post-hoc Bonferroni yang dijalankan untuk melihat kumpulan pelajar di tahap penguasaan manakah yang sebenarnya berbeza atau mendapat skor min yang paling tinggi dalam penggunaan strategi metakognitif dan sosial. Keputusan ujian Bonferroni ini menunjukkan keputusan yang sama dengan hasil ujian Bonferroni yang dijalankan selepas ujian MANOVA, iaitu perbezaan skor min antara ketiga-tiga tahap penguasaan bahasa adalah signifikan dalam kedua-dua strategi metakognitif dan sosial.

Jadual 12: Post-Hoc Bonferroni (Ujian Lanjutan MANOVA): Penggunaan SPB Berdasarkan Tahap Penguasaan Bahasa

Pemboleh Ubah Bersandar	Penguasaan (I)	Penguasaan (J)	Perbezaan Min (I-J)	Ralat Piawai	Sig.
Metakognitif	PCB	P <u>SB</u>	0.494	0.077	0.000
		P <u>L</u> B	0.785	0.077	0.000
		P <u>S</u> B	0.290	0.063	0.000
Sosial	PCB	P <u>SB</u>	0.548	0.084	0.000
		P <u>L</u> B	0.780	0.084	0.000
		P <u>S</u> B	0.232	0.068	0.002

Sig. pada aras 0.01

PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan kebanyakan kajian lain (Green & Oxford 1995; Park 1997; Wharton 2000; Mohamed Amin et al. 2001; Holt 2005) yang menunjukkan bahawa pelajar yang tahap penguasaan bahasanya lebih baik menggunakan SPB lebih banyak dan kerap berbanding pelajar yang kurang baik. Kajian ini

mendapati PCB lebih banyak menggunakan SPB secara keseluruhan dan berdasarkan tujuh kategori strategi utama berbanding PSB dan PLB. PSB pula menggunakan SPB lebih kerap secara keseluruhan dan mengikut kategori strategi utama - kecuali dalam strategi afektif berbanding PLB. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan linear antara tahap penguasaan bahasa dengan penggunaan SPB.

Tahap penggunaan SPB oleh PCB dalam kajian ini adalah sederhana dan dianggap rendah berbanding beberapa kajian lain (Goh & Kwah 1997; Bremner 1999; Wharton 2000). Namun begitu, beberapa kajian lain di Malaysia (Mohamed Amin et al. 2001; Rosyati 2003) dan di luar negara (al-Otaibi 2004; Lai 2005) turut menunjukkan bahawa pelajar cemerlang yang menggunakan SPB lebih kerap berbanding kumpulan lain berada pada tahap sederhana. Terdapat beberapa kemungkinan yang dapat menjelaskan senario tersebut. Antaranya ialah kaedah pengajaran guru dan bentuk kurikulum boleh mempengaruhi cara pembelajaran pelajar dan penggunaan strategi. Kesedaran pelajar tentang proses pembelajaran boleh mempengaruhi respons pelajar ketika menjawab soal selidik kajian. Faktor budaya dan latar pembelajaran bahasa juga mampu mempengaruhi pelajar dalam pemilihan strategi.

Dari segi kategori strategi utama, strategi tampungan merupakan strategi utama yang paling kerap digunakan oleh PCB dan PSB. Ia merupakan strategi yang kedua paling kerap digunakan oleh PLB. Manakala strategi afektif pula merupakan strategi yang ketiga paling kerap digunakan oleh ketiga-tiga kumpulan penguasaan bahasa tersebut. Memandangkan responden kajian merupakan pelajar aliran Agama, maka pendekatan pembelajaran mereka adalah menyerupai pelajar aliran Sastera. Dapatan kajian ini telah menyokong dapatan kajian Maradziah (1999) terhadap 135 pelajar aliran Sains dan Sastera di sebuah sekolah menengah di Shah Alam. Kajian itu mendapati pelajar aliran Sastera lebih cenderung menggunakan strategi tampungan dan afektif, manakala pelajar aliran Sains lebih menggemari strategi kognitif. Strategi metafizik merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh PLB dan kedua paling kerap digunakan oleh PCB dan PSB. Dapatan ini memang dalam jangkaan kerana para pelajar sekolah agama sering dididik untuk menggunakan pendekatan keagamaan dalam pembelajaran mereka. Dapatan ini perkukuhkan oleh kajian Abu Talib (1998) dan Zamri (2004) dalam pembelajaran bahasa Melayu. Melalui kajian kuantitatif, Abu Talib (1998) mendapati PCB menggunakan jenis strategi tersebut pada tahap yang agak tinggi dan PLB menggunakannya pada tahap sederhana. Beliau telah menamakan strategi tersebut sebagai Strategi Rohani yang terdiri daripada dua item: berdoa pada Tuhan, dan berusaha melalui cara keagamaan untuk berjaya dalam bahasa Melayu. Kajian kualitatif Zamri (2004) pula menunjukkan PCB menggunakan aspek penghayatan keagamaan sebagai satu strategi pendorong kejayaan pembelajaran bahasa Melayu. Mereka menggunakannya ketika belajar bahasa Melayu sama ada di dalam kelas, luar kelas, ataupun ketika menghadapi peperiksaan. Bagi PLB, aspek tersebut kurang diberi penekanan dan diambil berat. Antara aspek penghayatan keagamaan yang ditemui ialah membaca ayat suci, doa sebelum belajar dan sebelum peperiksaan, sentiasa solat dan sebagainya.

Kajian ini juga dapat membuktikan bahawa perbezaan antara PCB dengan rakan-rakannya daripada kumpulan penguasaan yang lain adalah terletak pada kekerapan dan jenis strategi yang digunakan oleh mereka. Ini bersesuaian dengan dapatan beberapa kajian lain (Rubin 1975; Stern 1975; Green & Oxford 1995; Griffiths 2003). PCB menggunakan lapan strategi dengan tahap kekerapan yang tinggi sedangkan PSB dan PLB pula tidak menggunakan sebarang strategi pada tahap kekerapan yang sama.

Di samping itu, PCB turut menggunakan 31 strategi lain pada tahap penggunaan sederhana. Ini menunjukkan PCB menggunakan banyak strategi dan secara kerap semasa mempelajari BAK.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, lima implikasi pedagogi boleh dikemukakan seperti berikut:

1. Pelajar perlu dibimbing supaya menyedari tentang proses pembelajaran dan strategi pembelajaran yang digunakan oleh mereka.
2. Pelajar perlu diajar tentang penggunaan SPB yang membawa kepada kejayaan pembelajaran bahasa.
3. Penggunaan strategi metafizik perlu diterokai dan diajarkan kerana strategi ini merupakan pelakuan yang mempunyai hubungan kuat dengan amalan keagamaan dan kebudayaan, khususnya di Malaysia yang sudah tentu turut mencorakkan proses pembelajaran para pelajar.
4. Guru perlu mengajarkan strategi yang sering digunakan oleh PCB dan membantu pelajar menerokai strategi yang kurang digunakan, tetapi terbukti sangat berguna lagi berkesan.
5. Suasana pembelajaran bahasa hendaklah diperkayakan dengan lebih banyak sumber dan peluang bagi pelajar untuk belajar, berlatih, dan menggunakan bahasa Arab. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana latar pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak memberi peluang yang mencukupi bagi pelajar mempelajarinya di luar kelas.

RUJUKAN

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan strategi pemelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4 daerah Johor Bahru*. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Al-Otaibi, Ghazi N. (2004). *Language learning strategy use among Saudi EFL students and its relationship to language proficiency level, gender and motivation*. Disertasi PhD. Indiana University of Pennsylvania.
- Bialystok, E. (1985). *The compatibility of teaching and learning strategies*. *Applied Linguistics*, 6: 255-262.
- Bremner, S. (1999). *Language learning strategies and language proficiency: investigating the relationship in Hong Kong*. *The Canadian Modern Language Review*, 55 (4): 490-514.
- Brown, H. D. (1994). *Principles of language learning and teaching*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Chamot, A. U. (1993). *Student responses to learning strategy instruction in the foreign language classroom*. *Foreign Language Annals*, 26: 308-321.
- Chamot, A. U. & Kupper, L. (1989). *Learning strategies in foreign language instruction*. *Foreign Language Annals*, 22: 13-24.
- Coakes, S.J. (2005). *SPSS version 12.0 for windows analysis without anguish Australia: National Library of Australia*.
- Dreyer, C. & Oxford, R. L. (1996). *Learning strategies and other predictors of ESL proficiency among Afrikaans in South Africa*. Dlm. Oxford R. L. (Pnyt.) *Language learning strategies around the world: Cross-cultural perspectives*, 61-74. Honolulu: University of Hawaii, Second language Teaching & Curriculum Center.

- Field, A. (2006). *Discovering statistics using SPSS (and sex, drug, and rock n roll)*. London: Sage Publications.
- Goh, C., & Kwah, P. F. (1997). Chinese ESL students' learning strategies: A look at frequency, proficiency and gender. *Hong Kong Journal of Applied Linguistics*, 2: 39-53.
- Grabe, W. (1986). The transition from theory to practice in teaching reading. Dlm. Dubim F., Eskey D. E., & Grabe W. (Pnyt.) *Teaching second language reading for academic purpose*, 25-48. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Green, J. M. & Oxford, R. L. (1995). A closer look at learning strategies, L2 proficiency, and gender. *TESOL Quarterly*, 29 (2): 261-297.
- Griffiths, C. (2003). *Language learning strategy use and proficiency: The relationship between patterns of reported language learning strategy (LLS) use by speakers of other languages (SOL) and proficiency with implications for the teaching/learning situation*. Tesis Ph.D. University of Auckland.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. (1998). *Multivariate data analysis*. 5th Edition. New Jersey: Prentice Hall.
- Hismanoglu, M. (2000). *Language learning strategies in foreign language learning and teaching (atas talian)*. Internet TESL Journal. <http://www.aitech.ac.jp/~iteslj?Articles/Hismanoglu-Strategies.html>. (6 Julai 2003).
- Holt, K. (2005). *English proficiency of Chinese students and strategies of language learning*. Disertasi PhD. University of Kansas.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2006). *Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: menelusuri arus perubahan*. Kertas kerja Bengkel Pengajaran Bahasa Arab. Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu. 26 Ogos.
- Kamarulzaman Abdul Ghani & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2005). *Menilai kebolehan bacaan buku teks bahasa Arab Tinggi: Ke arah meningkatkan kemahiran membaca pelajar*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4*, 345-354.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30: 608.
- Ku, P. (1995). *Strategies associated with proficiency and predictors of strategy choice: A study on language learning strategies of EFL students at three educational levels in Taiwan*. Disertasi PhD. Indiana University.
- Lai, Y-C. (2005). *Language learning strategy use and language proficiency for English as a foreign language (EFL) learners in Taiwan*. Disertasi PhD. University of Southern California.
- MacIntyre, P. D. (1994). Toward a social psychological model of strategy use. *Foreign Language Annals*, 27 (2): 185-195.
- Mangubhai, F. (1991). The processing behaviors of adult second language learners and their relationship to second language proficiency. *Applied Linguistics*, 12: 268-298.
- Maradziah Abdul Jalil. (1999). *Language learning strategies used by a secondary school students in Shah Alam*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa.
- Mohamed Amin Embi, Juriah Long & Mohd Isa Hamzah. (2001). *Language learning strategies employed by secondary school students in Malaysian*. *Jurnal Pendidikan*, 26: 3-20.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language learning strategies: A Malaysian context*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Naiman, N., Frohlich, M., Stern, H. & Todesco, A. (1978). *The good language learner*. Research in Education Series No 7. Toronto: The Ontario Institute for Studies in Education.
- Nasimah Hj Abdullah. (2006). *Permasalahan dalam pembelajaran bagi pelajar diploma pengajian Islam (bahasa arab) di KUIS dan cara mengatasinya*. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5*, 199-208.

- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (1999). Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke 21. Prosiding Seminar Isu-isu Pendidikan Negara, Kali Ketiga, 226-236.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., Stewner-Manzanares, G., Kupper, L. & Russo, R. P. (1985a). Learning strategies used by beginning and intermediate ESL students. *Language Learning*, 35 (1): 21-46.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., Stewner-Manzanares, G., Russo, R. P & Kupper, L. (1985b). Learning strategies applications with students of English as a second language. *TESOL Quarterly*, 19: 557-584.
- Oxford, R. L. & Burry-Stock, J. A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the strategy inventory for language learning (SILL). *System*, 23 (1): 1-23.
- Oxford, R. L. & Crookall, D. (1989). Language learning strategies: Methods, findings, and instructional implications. *The Modern Language Journal*, 73 (4): 404-419.
- Oxford, R. L. & Nyikos, M. (1989). Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal*, 73 (3): 291-300.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Oxford, R. L. (2001). Language learning styles and strategies. Dlm. Celce-Murcia, M. (Pnyt.) *Teaching english as a second language*, 359-366. Boston: Heinle & Heinle.
- Oxford, R. L., Lavine, R. Z. & Crookall, D. (1989). Language learning strategies, the communicative approach, and their classroom implications. *Foreign Language Annals*, 22: 29-39.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival Manual*. NSW: Allen & Unwin.
- Park, G. P. (1997). Language learning strategies and English proficiency in Korean university students. *Foreign Language Annals*, 30 (2): 211-221.
- Phakiti, A. (2003). A closer look at the relationship of cognitive and metacognitive strategy use to EFL reading achievement test performance. *Language Testing*, 20 (1): 26-56.
- Rosyati Abdul Rashid. (2003). The employment of language learning strategies among university students. *Kertas kerja Second International Seminar on Learning and Motivation*. Universiti Utara Malaysia, 13-15 Oktober.
- Rubin, J. (1975). What the good language learner can teach us. *TESOL Quarterly*, 9 (1): 41-51.
- Rubin, J. (1987). Learners strategies: theoretical assumptions, research history and typology. Dlm. A. Wenden & J. Rubin (Pnyt.). *Learner strategies in language learning*, 15-29. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Saupi Man. (2003). Tuntutan-tuntutan asas pengajaran bahasa Arab Komunikasi di luar Negara Arab. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*, 263-275.
- Sheorey, R. (1999). An examination of language learning strategy use in the setting of an indigenized variety of English. *System*, 27 (1): 173-190
- Song, X. (2004). Language learning strategy use and language performance for Chinese learners of English. Tesis M Ed. Queen's University.
- Stern, H. H. (1975). What can we learn from the good language learners?. *Canadian Modern Language Review*, 31(3): 304-318.
- Tabachnick, B.G. & Fidell, L.S. (2001). *Using multivariate statistics*. 4th Edition. Boston: Allyn & Bacon.
- Vann, R. J. & Abraham, R. G. (1990). Strategies of unsuccessful language learners. *TESOL Quarterly*, 24 (2): 177-198.

- Wan Abrisam Wan Ahmad. (2002). Tinjauan sikap pelajar terhadap Bahasa Arab Komunikasi di sekolah-sekolah daerah Machang, Kelantan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wharton, G. (2000). Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore. *Language Learning*, 50: 203-243.
- Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Biodata:

Kamarul Shukri Mat Teh pensyarah di Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu.
e-Mel: kamarul@udm.edu.my.

Dr. Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. Pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Prof. Dr. Mohamed Amin Embi. Profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Prof. Madya Dr. Zamri Mahamod. Pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.